

14/08/2003

Dr Mahathir yakin siri dialog diteruskan

Mahfar Ali

EZULWINI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang diperkenalkan sejak 1995 sebelum dikembangkan ke benua Afrika menerusi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID), akan tetap diteruskan selepas persaraannya Oktober ini.

Perdana Menteri yang tiba di sini awal pagi semalam bagi menghadiri SAID-Global 2003 bermula pada sebelah petang, menegaskan tiada sebab siri dialog perkongsian pintar itu tidak diteruskan kerana LID, SAID dan EAID dianjurkan bukan kerana beliau tetapi atas inisiatif Malaysia.

Malah, katanya, siri dialog perkongsian pintar itu yang membabitkan semua peringkat meliputi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan termasuk profesional dan usahawan muda, kini menarik minat banyak negara.

"Saya percaya dengan pertukaran maklumat, kita akan dapat memajukan negara," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Matspha dekat sini, kira-kira jam 6.20 pagi semalam.

Ketibaan Dr Mahathir disambut Perdana Menteri Swaziland, Dr Barnabas Sibusiso S Dlamini. Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, diberi sambutan meriah mengikut tradisi Swaziland. Turut hadir, Duta Malaysia ke Afrika Selatan, Datuk Zainal Azman Zainal Abidin.

Sejurus tiba di sini, Perdana Menteri mendengar taklimat mengenai persiapan SAID-Global 2003, yang pertama kali dianjurkan Swaziland - negara yang bersempadan dengan Afrika Selatan dan Mozambique.

Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan persiapan penganjur untuk menjayakan SAID-Global 2003.

Malah, dialog kali ini mendapat sambutan banyak negara termasuk China, Thailand dan West Indies, di sebalik tindakan pihak tertentu mengadakan demonstrasi bagi menyuarakan pelbagai isu dalaman negara ini.

Dialog lima hari itu, yang pertama dianjurkan Swaziland dan juga persidangan antarabangsa terbesar pernah dikendalikan negara ini.

SAID-Global 2003 yang bertema "Ke Arah Dunia Lebih Pintar - Meningkatkan Identiti dan Kemakmuran Untuk Pembangunan, akan membincangkan pelbagai isu, termasuk globalisasi, keselamatan dan pembangunan.